



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 21

9hb Oktober 2020

TAMBAHAN
No. 4

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut, yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor, adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill, about to be introduced in the State Legislative Assembly of Selangor, is published for general information:

	Muka Page
Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 2020	37
Selangor Waters Management Authority (Amendment) Enactment 2020	49

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 2020.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 11

2. Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Enakmen No. 2 tahun 1999*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam subseksyen 11(4)—

- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “mana-mana pegawai dan pengkhidmat lain” dengan perkataan “sekian bilangan Timbalan Pengarah, pegawai dan pengkhidmat lain”; dan

2

Rang Undang-Undang

- (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “such other officers and servants” dengan perkataan “such Deputy Directors, officers and servants”.

Pindaan seksyen 12**3. Seksyen 12 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam perenggan (1)(e), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “ditetapkan” dengan perkataan “yang ditentukan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Sekiranya Pengarah berada di luar Malaysia atau tidak berupaya menjalankan tugasnya atau sedang bercuti, fungsi Pengarah di bawah Enakmen ini bolehlah dijalankan oleh mana-mana Timbalan Pengarah atau pegawai kanan lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi.”.

Pindaan seksyen 26**4. Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:**

“(4) Suatu jawatankuasa boleh terdiri daripada seorang Pengerusi dan beberapa orang anggota yang boleh dibayar dengan elaun tertentu yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.”.

Pindaan seksyen 41**5. Seksyen 41 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (3) dengan memasukkan selepas perkataan “boleh” perkataan “melalui pemberitahuan bertulis, memerintahkan mana-mana orang atau pihak berkuasa awam”.**

Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan)

3

Pindaan seksyen 44**6. Seksyen 44 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1)—**

(a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (b)—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma noktah; dan

(ii) dengan memasukkan perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) lebih kepada pengambilan air selain daripada yang diluluskan oleh Lembaga di bawah perenggan (a).”.

Pindaan seksyen 79**7. Seksyen 79 Enakmen ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) apa-apa bahan beracun, bahan memudaratkan, bahan pencemar atau bahan buangan yang akan menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan, atau menyumbang kepada terjadinya suatu sumber air atau bahagiannya berubah keadaan fizikal, kandungan biologi atau kimianya, bau atau rasa sehingga membahayakan, memburukkan atau menjejaskan kesihatan, keselamatan atau kebajikan orang awam, kehidupan atau kesihatan haiwan atau tumbuh-tumbuhan atau padanya atau terhadap penggunaan berfaedah lain sumber air itu;” dan

4

Rang Undang-Undang

(ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) apa-apa bahan yang disebabkan keadaan fizikal, kandungan biologi atau kimianya, bau atau rasa atau kesannya menukarkan warna air, membuat atau menyumbangkan terhadap membuatkan sumber air itu sukar dipulihkan atau menjejaskan aliran, kualiti atau kuantiti air di dalam sumber air itu; atau”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Apabila apa-apa kemasukan atau pelepasan itu telah dibuat, tuan punya atau penghuni premis, pemilik kenderaan atau orang yang bertanggungjawab terhadap kenderaan dari mana kemasukan atau pelepasan itu berpunca hendaklah, kecuali dibuktikan sebaliknya, dianggap telah melepaskan atau menyebabkan kemasukannya ke dalam sumber air itu.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan didenda tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Sebagai tambahan kepada hukuman di bawah subseksyen (4), mana-mana orang yang disabitkan hendaklah membayar semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga untuk membaiki atau memulihkan apa-apa pencemaran oleh sebab kesalahan di bawah seksyen ini.”.

Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan)

5

Seksyen baharu 99A, 99B, 99C, 99D, 99E dan 99F

8. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 99 seksyen yang berikut:

“**99A.** (1) Pengarah atau pegawai yang diberi **Penyitaan** kuasa olehnya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh, tanpa waran, menyita apa-apa harta benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang perlakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang diberi kuasa menyita di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu notis yang mengandungi senarai harta benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemunya harta benda itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di tempat penyitaan itu.

(3) Jika kawasan atau premis itu tidak berpenghuni, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan notis itu di tempat yang mudah dilihat di kawasan atau premis itu.

(4) Jika, oleh sebab keadaan, saiz atau amaunnya, tidaklah munasabah untuk memindahkan apa-apa harta benda yang disita di bawah seksyen ini, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor hendaklah dengan apa-apa cara yang sesuai menyelak harta benda itu di kawasan ia dijumpai.

6

Rang Undang-Undang

(5) Seseorang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (4) atau memindahkan apa-apa harta benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Pelucuthakkan **99B.** Semua harta benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakkan jika ada pendakwaan **99C.** (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa harta benda yang disita di bawah Enakmen ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana harta benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apapun subseksyen (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini telah dilakukan; atau
- (b) mana-mana harta benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan harta benda itu walau tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua harta benda yang dilucuthakkan di bawah Enakmen ini hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan atau tiada tuntutan mengenainya **99D.** (1) Jika apa-apa harta benda telah disita di bawah Enakmen ini, dan—

- (a) tiada pendakwaan kerana apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini dimulakan berkenaan dengan harta benda itu; atau

Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan)

7

- (b) tiada tuntutan secara bertulis dibuat oleh mana-mana orang bahawa dia berhak menurut undang-undang ke atas harta benda itu, dalam masa satu bulan dari tarikh penyitaannya atau penerimaan notis di bawah subseksyen 99A(2),

harta benda itu hendaklah terlucut hak dengan serta-merta apabila habis tempoh satu bulan yang tersebut itu.

(2) Jika dalam masa satu bulan dari tarikh penyitaan atau penerimaan notis di bawah subseksyen 99A(2), suatu tuntutan secara bertulis dibuat mengenai harta benda itu oleh mana-mana orang, maka Pengarah hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Mahkamah Sesyen untuk diputuskannya.

(3) Mahkamah Sesyen yang kepadanya suatu tuntutan dirujuk di bawah subseksyen (2) hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menuntut bahawa dia berhak ke atas harta benda itu menurut undang-undang, atau orang yang daripadanya harta benda itu disita, jika dia dan tempat dia berada diketahui, hadir di hadapan mahkamah itu, dan apabila mereka hadir, atau jika mereka ingkar hadir, setelah penyampaian sempurna saman itu dibuktikan, Mahkamah Sesyen itu hendaklah terus memeriksa perkara itu dan jika berpuas hati bahawa tiada kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan berkenaan dengan harta benda yang dituntut itu hendaklah memerintahkan supaya harta benda itu dilepaskan kepada orang yang menuntutnya itu setelah dibuktikan bahawa dia berhak ke atasnya menurut undang-undang, dan hendaklah, dalam apa-apa hal lain, memerintahkan supaya harta benda itu dilucuthakkan kepada Lembaga.

8

Rang Undang-Undang

(4) Jika harta benda itu telah dilucuthakkan di bawah subseksyen (1), ia tidak menggalang apa-apa pendakwaan kerana suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain dimulakan berkenaan dengan harta benda itu pada bila-bila masa selepas itu.

Kos
memegang
harta benda
yang disita

99E. Jika mana-mana harta benda yang disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang disabitkan atas kesalahan itu atau mana-mana orang yang menuntut harta benda itu di bawah subseksyen 99D(2), menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada
kos atau
ganti rugi
berbangkit
daripada
penyitaan
boleh
didapatkan
melainkan
jika penyitaan
dibuat tanpa
sebab yang
munasabah
atau sebab
yang mungkin

99F. Tiada seorang pun dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa harta benda pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, berhak terhadap kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relif lain selain daripada suatu perintah bagi pemulangan harta benda-harta benda atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin.”.

Pindaan seksyen 104**9. Seksyen 104 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Perlindungan kepada pemberi maklumat” dengan perkataan “Perlindungan dan ganjaran kepada pemberi maklumat”; dan

Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 9

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Lembaga boleh memerintahkan supaya dibayar apa-apa ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang bagi pemberian perkhidmatan, maklumat, pernyataan atau bantuan berkenaan dengan pengesanan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.”.

Pindaan seksyen 112

10. Seksyen 112 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah Enakmen ini, dengan keizinan Pendakwa Raya, boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada jumlah denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.”.

Pindaan seksyen 125

11. Seksyen 125 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiada pegawai Lembaga boleh” dengan perkataan “Lembaga, anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, Pengarah, pegawai dan pengkhidmat Lembaga tidak boleh”.

10

*Rang Undang-Undang***Kecualian dan peralihan**

12. Semua peraturan-peraturan, perisytiharan, perintah, borang, surat kebenaran, surat pengesahan, perakuan dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, perisytiharan, perintah, borang, surat kebenaran, surat pengesahan, perakuan dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 (“Enakmen 2/1999”).

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan mengadakan peruntukan dalam seksyen 11 bagi mewujudkan jawatan sekian bilangan Timbalan Pengarah.
3. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan dalam seksyen 12 mengenai peranan Timbalan Pengarah semasa ketiadaan Pengarah bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran Lembaga berjalan lancar.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen 26(4) untuk menambah bilangan anggota jawatankuasa yang boleh dibayar elaun.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 41(3) untuk menambahbaik prosedur pengeluaran arahan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa awam.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen 44(1) untuk mengenakan caj ke atas lebihan pengambilan air yang telah diluluskan oleh Lembaga.
7. *Fasal 7* bertujuan mengemaskini seksyen 79 berkaitan kesalahan pencemaran air yang disebabkan oleh bau dan rasa. Fasal ini juga bertujuan untuk mengenakan hukuman penjara secara mandatori dan denda yang lebih tinggi kepada mana-mana orang yang disabitkan di bawah seksyen ini.

Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 11

8. *Fasal 8* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai penyitaan dan pelucuthakkan.
9. *Fasal 9* bertujuan membolehkan ganjaran diberikan kepada pemberi maklumat bagi pemberian perkhidmatan, maklumat, pernyataan atau bantuan berkenaan dengan pengesanan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.
10. *Fasal 10* bertujuan menjelaskan prosedur mengkompaun dan menaikkan jumlah maksimum kompaun tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu.
11. *Fasal 11* bertujuan mengemaskini seksyen 125 berkenaan meluaskan perlindungan daripada tanggungan peribadi.
12. *Fasal 12* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa jua perbelanjaan wang tambahan.

SHAH ALAM

Bertarikh 8 Oktober 2020

[LUAS.(R) 100-6/4/7; P.U. Sel. (ADV) MMKN. (R) 01/35]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Selangor*

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to amend the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Selangor Waters Management Authority (Amendment) Enactment 2020.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be determined by the State Authority, by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 11

2. The Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*Enactment No. 2 of 1999*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in subsection 11(4)—

- (i) in the national language text, by substituting for the words “mana-mana pegawai dan pengkhidmat lain” the words “sekian bilangan Timbalan Pengarah, pegawai dan pengkhidmat lain”; and

2

Bill

- (ii) in the English language text, by substituting for the words “such other officers and servants” the words “such Deputy Directors, officers and servants”.

Amendment of section 12

3. Section 12 of the principal Enactment is amended—

- (a) by renumbering the present section to subsection (1);
- (b) in paragraph 1(e), in the national language text, by substituting for the word “ditetapkan” the words “yang ditentukan”; and
- (c) by inserting after subsection (1) the following subsection:

“(2) In the event of Director’s absence from Malaysia or in his incapacity or when he is on leave, his functions under this Enactment may be discharged by any Deputy Director or other senior officers as may be authorised by the Chairman.”.

Amendment of section 26

4. Section 26 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (4) the following subsection:

“(4) A committee may consist of a Chairman and several other members who may be paid such allowances as may be determined by the Authority with approval of the State Authority.”.

Amendment of section 41

5. Section 41 of the principal Enactment is amended in subsection (3) by inserting after the word “may” the words “by notice in writing, order any person or public authority to”.

Selangor Waters Management Authority (Amendment) 3

Amendment of section 44

6. Section 44 of the principal Enactment is amended in subsection (1)—

(a) in paragraph (a), by deleting the word “and” at the end of the paragraph;

(b) in paragraph (b)—

(i) by substituting for the full stop at the end of the paragraph a semi colon; and

(ii) by inserting the word “and” at the end of the paragraph; and

(c) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(c) excess of water intake other than as approved by the Authority under paragraph (a).”.

Amendment of section 79

7. Section 79 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection (1)—

(i) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) any poisonous, noxious, polluting or waste matter that will render or is likely to render, or contribute to rendering such water source or part thereof changes its physical nature, biology or chemical content, odour or taste that is harmful, detrimental or injurious to the health, safety, welfare of the public, to animal or vegetable life or health therein, or to other beneficial uses of such water sources;”; and

4

Bill

(ii) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) any matter which by virtue of its physical nature, biological or chemical content, odour or taste or its effect in discolouring water, makes or contributes to making such water source difficult to treat or affects the flow, quality or quantity of water in the water source; or”;

(b) by substituting for subsection (2) the following subsection:

“(2) Whenever any such entry or discharge have been made, the owner or the occupier of the premise, owner or the person in charge of the vehicle from which such entry or discharge originates shall, unless the contrary is proved, be presumed to have discharged or caused it to enter into the water source.”;

(c) by substituting for subsection (4) the following subsection:

“(4) Any person who commits an offence under this section and upon conviction shall be punished with imprisonment for a period not exceeding three years and to a fine not less than two hundred thousand ringgit and not exceeding one million ringgit.”; and

(d) by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) In addition to the punishment under subsection (4), any person convicted shall pay all expenses incurred by the Authority to remedy or rehabilitate any pollution with regard to the offence under this section.”.

New sections 99A, 99B, 99C, 99D, 99E and 99F

8. The principal Enactment is amended by inserting after section 99 the following sections:

Selangor Waters Management Authority (Amendment) 5

“**99A.** (1) The Director or any officer duly authorised **Seizure** by him or any police officer not below the rank of Inspector may, without warrant, seize any property which he reasonably believes to have a bearing on, or can furnish evidence of the commission of an offence under this Enactment.

(2) The Director or any officer duly authorised by him or any police officer not below the rank of Inspector who is duly authorised to seize under subsection (1) shall prepare a notice of all property seized and forthwith deliver a copy signed by him to the owner of such property, or to his servant or agent, present at such seized place.

(3) Where the area or premise is unoccupied, the Director or any officer duly authorised by him or any police officer not below the rank of Inspector who seized shall whenever possible affix a notice to conspicuously part of the area or premise.

(4) Where, by reason of its nature, size or amount, it is not reasonable to remove any property seized under this section, the Director or any officer duly authorised by him or any police officer not below the rank of Inspector shall by any suitable means seal any property in the area in which it is found.

(5) A person who without lawful authority breaks, tampers with or damage the seal referred to in subsection (4) or removes any property under seal or attempts to do so commits an offence.

99B. All property seized under this Enactment may **Forfeiture** be forfeited.

99C. (1) If there is prosecution involving any property **Forfeiture in case of prosecution** seized under this Enactment, the forfeiture or release of any such property may only be made by the order before the court in which the prosecution is held.

6

Bill

(2) Notwithstanding subsection (1), if it is proved to the satisfaction of the court that—

(a) an offence against any provisions of this Enactment has been committed; or

(b) any property is the subject matter of or has been used in the commission of the offence,

the court shall forfeit the property notwithstanding that no person has been convicted of such offence.

(3) All property forfeited under this Enactment shall be delivered to the Director and shall be disposed of in accordance with the directions of the Director.

**Forfeiture
in case
of no
prosecution
or no
claim
thereto**

99D. (1) Where any property has been seized under this Enactment, and—

(a) no prosecution for any offence under this Enactment is instituted with regard to such property; or

(b) no claim in writing is made by any person that he is lawfully entitled to such property, within one month from the date of seizure or receiving a notice under subsection 99A(2),

the property shall become forfeited immediately upon the expiration of the said period of one month.

(2) Where within one month from the date of the seizure or receiving of notice under subsection 99A(2), a claim in writing is made thereto by any person, the Director shall refer such claim to a Sessions Court for its decision.

Selangor Waters Management Authority (Amendment) 7

(3) The Sessions Court to which a claim is referred under subsection (2) shall issue a summon requiring the person claiming that he is lawfully entitled to the property, or the person from whom it was seized, if he and his whereabouts are known, to appear before the court, and upon such appearance, or in default of such appearance, upon due service of such summon being proved, the Sessions Court shall proceed to the examination of the matter and if satisfied that no offence under this Enactment has been committed in respect of the property claimed shall order the same to be released to the person claiming the same upon proof that he is lawfully entitled thereto, and shall, in any other case, order the property to be forfeited to the Authority.

(4) Where property has been forfeited under subsection (1), it shall not be a bar to any prosecution for an offence under this Enactment or any other written law being instituted in respect of such property at any time thereafter.

99E. Where any property seized under this Enactment is held in the custody of the Director or any officer duly authorised by the Director pending completion of any proceedings in respect of an offence under this Enactment, the cost of holding it in custody shall, in the event of any person being convicted of such offence or any person claiming such property under subsection 99D(2), be a debt due to the Authority by such person and shall be recoverable accordingly.

Cost of holding seized property

99F. No person shall in any proceedings before any court in respect of the seizure of any property seized in exercise or the purported exercise of any power conferred under this Enactment, be entitled to the costs of such proceedings or to any damages or other relief other than an order for the return of such properties or the payment of its value unless such seizure was made without reasonable or probable cause.”

No cost or damages arising from seizure to be recoverable unless seizure without reasonable or probable cause

8

*Bill***Amendment of section 104**

9. Section 104 of the principal Enactment is amended—

(a) in marginal note, by substituting for the words “Protection of informers” the words “Protection and rewards of informers”; and

(b) by inserting after subsection (3) the following subsection:

“(4) The Authority may order such rewards as it may deem fit to be paid to any person for services rendered, information, statement or assistance in connection with the detection of offences under this Enactment.”.

Amendment of section 112

10. Section 112 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (2) the following subsection:

“(2) The Director or any officer duly authorised under this Enactment, with the consent of the Public Prosecutor, may compound any offence prescribed under subsection (1) made by any person under this Enactment, by making a written offer to the person suspected to have committed the offence to compound the offence upon payment to the Director a sum of money not exceeding fifty per centum of the maximum amount of fine to which the person would have been liable to if he had been convicted of the offence, within such time as may be specified in his written offer.”.

Amendment of section 125

11. Section 125 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “no officer of the Authority shall be” the words “the Authority, member of the Authority, member of committee, Director, officer and servant of the Authority shall not be”.

Selangor Waters Management Authority (Amendment) 9

Savings and transitions

12. All regulations, proclamations, orders, forms, authorization letters, confirmation letters, certificates and appointments issued or made under or by virtue of any provision of written laws prior to the commencement of this Enactment shall remain in force, in so far as they are consistent with this Enactment, until revoked or substituted by the regulations, proclamations, orders, forms, authorization letters, confirmation letters, certificates and appointments issued or made under this Enactment.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 (“Enactment 2/1999”).

1. *Clause 1* contains the short title and provision on the commencement of proposed Enactment.
2. *Clause 2* seeks to make provision in section 11 to create the post of Deputy Directors.
3. *Clause 3* seeks to make provision in section 12 pertaining to the role of Deputy Directors in the event of Director’s absence in order to ensure the smoothness of the management and administration of the Authority.
4. *Clause 4* seeks to amend subsection 26(4) to increase the numbers of committee members who are eligible to be paid an allowance.
5. *Clause 5* seeks to amend subsection 41(3) to improve procedure on issuance of direction to any person or public authority.
6. *Clause 6* seeks to amend subsection 44(1) to charge for excess of water intake which has been approved by the Authority.
7. *Clause 7* seeks to update section 79 with regards to water pollution offences caused by odour and taste. This Clause also seeks to impose imprisonment as mandatory punishment and higher fine to the convicted person under this section.
8. *Clause 8* seeks to make provisions on seizure and forfeiture.
9. *Clause 9* seeks to enable rewards to be given to informer for services rendered, information, statement or assistance in connection with the detection of offences under this Enactment.

10

Bill

10. *Clause 10* seeks to explain procedure of compound and to increase the maximum compound not exceeding fifty per centum of the maximum fine for that offence.

11. *Clause 11* seeks to update section 125 with regards to expansion of protection from personal liability.

12. *Clause 12* deals with the savings and transitional provisions.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the State Government in any extra financial expenditure.

SHAH ALAM

Dated 8 October 2020

[LUAS.(R) 100-6/4/7; P.U. Sel. (ADV) MMKN. (R) 01/35]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID
State Legal Adviser
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA